



SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 4 TAHUN 1983

PERAKUAN KENAIKAN PANGKAT DAN PEMANGKUAN UNTUK PERTIMBANGAN LEMBAGA KENAIKAN PANGKAT PERKHIDMATAN AWAM

Tujuan

Surat Pekeliling Perkhidmatan ini adalah bertujuan untuk menjelaskan kepada Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian serta Ketua-Ketua Jabatan mengenai cara-cara mengemukakan perakuan kenaikan pangkat dan pemangkuan untuk pertimbangan Lembaga Kenaikan Pangkat yang keanggotaannya mengikut perenggan 1 (i) Jadual Pertama, [Peraturan-peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam, 1972 \(P.U. \(A\) 47\)](#). Surat Pekeliling ini adalah juga merupakan sebagai lanjutan kepada [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1980](#) mengenai "Tatacara Penyelenggaraan Urusan Kenaikan Pangkat, Pemangkuan dan Penanggungungan Kerja."

Perakuan-Perakuan	Yang	Tidak	Lengkap
-------------------	------	-------	---------

2. Adalah dimaklumkan bahawa [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1980](#) telah menjelaskan mengenai cara-cara mengemukakan perakuan kenaikan pangkat dan pemangkuan. Sungguhpun begitu, Jabatan ini yang bertindak sebagai Urusetia kepada Lembaga Kenaikan Pangkat yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara, kerap kali menerima perakuan-perakuan daripada Kementerian atau Jabatan yang tidak lengkap atau tidak teratur, dan memerlukan surat-menyurat untuk mendapatkan butir-butir yang tidak lengkap itu atau penjelasan lanjut mengenai perakuan berkenaan. Tindakan ini mengambil masa dan akibatnya perakuan berkenaan lewat dikemukakan kepada Lembaga Kenaikan Pangkat untuk keputusannya. Sekiranya ini berlaku ia akan menimbulkan kesan yang tidak sihat kepada pegawai-pegawai yang terlibat.

Butir-butir	Yang	Perlu	Disertakan	Bersama-sama	Perakuan
-------------	------	-------	------------	--------------	----------

3. Surat Pekeliling ini dikeluarkan untuk menengaskan sekali lagi supaya Ketua-Ketua Setiausaha dan Ketua-Ketua Jabatan menyertakan butir-butir yang lengkap apabila mengemukakan perakuan-perakuan pemangkuan atau kenaikan

pangkat ke Jabatan ini. Tujuannya ialah untuk memudah serta mempercepatkan lagi perakuan dikemukakan kepada Lembaga Kenaikan Pangkat yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara itu untuk keputusannya. Butir-butir yang dikehendaki adalah seperti di Format A (bagi perakuan kenaikan pangkat) dan Format B (bagi perakuan pemangkuan) kepada Surat Pekeliling ini. Dengan ini Format 1 dan Format 6 kepada [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1980](#) adalah dibatalkan.

Perakuan Yang Tidak Lengkap

4. Jabatan ini ingin menarik perhatian tuan, bahawa mulai dari tarikh Surat Pekeliling ini, **sekiranya Jabatan ini menerima perakuan yang tidak lengkap atau tidak teratur, maka kesemua kertas perakuan berkenaan akan dikembalikan dan menganggap bahawa perakuan tersebut sebagai tidak diterima oleh Jabatan ini.** Sebarang kelewatan yang berlaku berhubung dengan pemangkuan atau kenaikan pangkat pegawai-pegawai yang berkenaan adalah menjadi tanggungjawab Kementerian/Jabatan yang berkenaan.

Kerjasama Bagi Mematuhi Peraturan Yang ditetapkan

5. Bagi menentukan urusan kenaikan pangkat dan pemangkuan dapat diselenggarakan dengan cepat, maka kerjasama Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua-Ketua Jabatan adalah diminta untuk mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling ini semasa mengemukakan perakuan kenaikan pangkat atau pemangkuan ke Jabatan ini, untuk pertimbangan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam yang berkenaan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(SULAIMAN BIN HASHIM),
Pengarah Bahagian Perkhidmatan,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

18hb Mei, 1983.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.
Semua Ketua Jabatan Persekutuan.